

Soalan Lazim KPT-CAP Keusahawanan

1. Apa itu Program PENJANA KPT-CAP?

Kerajaan telah mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) sebagai satu inisiatif kerajaan untuk menangani masalah **kebolehpasaran siswazah** dan **mengurangkan kadar pengangguran** yang disebabkan oleh COVID-19 melalui 3 trek:

1. **Tempat dan Latih:** Kecekapan program latihan yang menyasarkan peserta dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri sebelum penempatan pekerjaan dalam industri.

2. **Latihan Keusahawanan:** Menyasarkan penubuhan syarikat baharu dari graduan. Peserta juga akan dibantu dengan pembiayaan kewangan untuk memulakan perniagaan mereka.

3. **Latihan Persediaan Ekonomi Gig:** Kecekapan program latihan yang membantu peserta untuk menjana pendapatan melalui aktiviti-aktiviti bebas.

2. Apakah objektif utama program KPT-CAP ini?

Untuk **meningkatkan kebolehpasaran graduan** dari Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti yang telah tamat pengajian pada tahun 2019 hingga 2022 untuk menyertai latihan program ini bagi **menambah dan memperbaiki kemahiran diri**, selain **meningkatkan peluang untuk mendapatkan pekerjaan** atau **menjana pendapatan** setelah tamat tempoh latihan.

3. Apakah syarat-syarat untuk menyertai program ini?

- **Warganegara Malaysia**
- Graduan **Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana** dari **Institusi Pengajian Tinggi** yang berdaftar di Malaysia.
- Graduan pada tahun **2019 hingga 2022** (sebelum program bermula) yang masih tidak bekerja
- Mempunyai **laptop atau PC**
- **Tidak pernah menyertai** program PENJANA sebelum ini
- Fasih dalam **Bahasa Melayu dan Inggeris**
- **Kemahiran interpersonal dan komunikasi** yang tinggi

- Mempunyai **keinginan untuk memulakan perniagaan sendiri**
4. Bagaimanakah cara untuk saya menyertai program PENJANA KPT-CAP ini?
Permohonan penyertaan boleh didapati di laman **portal PTPTN**. Pemohon perlu **memasuki nombor kad pengenalan** dan **mengisi maklumat diri** pada borang permohonan, serta menjawab beberapa soalan ringkas pada **Borang Profiling**.
 5. Berapa lama program ini akan berlangsung?
Program KPT-CAP ini akan berlangsung selama sebulan (**20 hari kelas**) dan dimulakan dengan **latihan kemahiran digital**, diikuti dengan **pembangunan latihan profesional** dan **6 bulan bimbingan dari Ketua Digital Store redONE**.
 6. Adakah program ini memerlukan sebarang bayaran untuk menyertai program ini?
Tiada. Program ini adalah **PERCUMA** dan ditaja sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).
 7. Adakah saya akan menerima sebarang sijil setelah tamat tempoh latihan?
Ya. Jika anda berjaya menamatkan program ini, anda akan menerima sijil **Professional Certificate in Digital Business Development** yang dikeluarkan oleh UTMSPACE.
 8. Bagaimanakah program ini akan disampaikan?
Program ini akan disampaikan **sepenuhnya dalam talian**. Oleh itu, peserta digalakkan mempunyai **jaringan Internet yang stabil** dan **mempunyai laptop atau PC** untuk menghadiri kelas dan menyelesaikan kerja kursus yang diberikan.
 9. Dimanakah saya boleh dapatkan butiran lanjut mengenai kursus kemahiran digital ini dan tarikh permulaannya?
Butiran mengenai kursus kemahiran digital boleh didapati di laman sesawang: <https://bit.ly/dwa-kpt-cap>
- Terdapat empat (4) kohort bagi program KPT-CAP ini. Tarikh permulaan bagi setiap kohort adalah:
- **Kohort 1** - 31hb Oktober 2022
 - **Kohort 2** - 5hb Disember 2022
 - **Kohort 3** - akan diumumkan kemudian
 - **Kohort 4** - akan diumumkan kemudian
10. Bilakah saya boleh dapat tahu jika permohonan saya berjaya?

Setelah menghantar borang permohonan anda, anda akan menerima satu **pengakuan emel** dari pihak PTPTN menunjukkan bahawa mereka telah menerima borang permohonan anda. Proses penilaian akan mengambil masa 3-5 hari bekerja dan peserta yang berjaya mara ke peringkat seterusnya akan dimaklumkan melalui emel.

11. Bolehkah saya menyertai lebih dari satu kursus kemahiran digital KPT-CAP?

Tidak. Setiap individu hanya layak untuk menyertai **satu kursus sahaja** dan juga belum pernah menyertai mana-mana program PENJANA KPT-CAP atau mana-mana program lain yang serupa.

12. Bagaimanakah pinjaman dana keusahawanan sebanyak RM3,000 akan dikendalikan?

Saluran pinjaman dana keusahawanan akan disalurkan oleh pihak redONE hanya kepada peserta yang berjaya menamatkan program ini. Peminjam hendaklah membuat bayaran balik pinjaman selepas 12 bulan tamat tempoh pengeluaran pinjaman TANPA perlu menunggu Notis Bayaran Balik daripada redONE. Kos bunga secara bulanan akan dikenakan jika peminjam gagal membayar balik pinjaman pada tempoh yang ditetapkan. Sebarang urusan pinjaman modal ini akan dikendalikan oleh redONE dan pihak **PTPTN tidak akan bertanggungjawab** terhadap sebarang kehilangan, kerosakan atau keaiban yang dialami dalam proses saluran pinjaman modal ini.

13. Sebagai peserta, bolehkah saya menolak tawaran dana keusahawanan ini?

Ketetapan yang diputus oleh Kementerian Pengajian Tinggi adalah pengendali program hendaklah menyediakan tawaran pembiayaan dana keusahawanan kepada peserta program. Peserta boleh membuat pilihan, sama ada menerima atau menolak pembiayaan yang ditawarkan itu (dengan memberi alasan yang munasabah kepada pihak pengendali program).

14. Siapakah yang boleh saya hubungi untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut?

Sila menghubungi kami dengan membalas e-mel ini atau hubungi Naim (011-1060 2337) untuk maklumat lanjut.